

5 Sebab Kenapa Perlu Bercuti Di Legoland Malaysia Resort

Ida Haryanti Mohd Noor

Setiap keluarga pasti tertunggu-tunggu dengan kehadiran cuti sekolah. Inilah masa yang akan digunakan oleh ibu bapa untuk membawa anak-anak melancong. Tidak kira samada bercuti di dalam negara ataupun luar negara, pastinya cuti sekolah akan digunakan dengan sebaik-baiknya bagi meluangkan masa bersama-sama seisi keluarga.

Terdapat pelbagai tempat menarik di Malaysia yang boleh dikunjungi oleh setiap keluarga sepanjang cuti sekolah. Pastinya, ibu bapa akan cuba mencari tempat percutian yang sesuai untuk seluruh isi keluarga. Bagi ibu bapa yang mempunyai anak kecil, semestinya mencari tempat percutian yang mesra kanak-kanak menjadi keutamaan.

Berdasarkan pengalaman penulis, Legoland Malaysia Resort merupakan salah satu tempat percutian yang mesra kanak-kanak yang wajib dikunjungi oleh seisi keluarga apabila tibanya cuti sekolah. Berikut merupakan lima sebab kenapa setiap keluarga perlu bercuti di Legoland Malaysia Resort:

1. Taman tema, taman air dan taman hidupan laut yang menyeronokkan

Legoland Malaysia Resort menyediakan tiga jenis taman buat seisi keluarga iaitu taman tema, taman air dan taman hidupan laut. Dengan harga tiket yang berpatutan, ketiga-tiga taman ini menyediakan berpuluh jenis permainan yang sangat menyeronokkan untuk segenap lapisan umur.



2. Bilik mengikut tema yang disukai kanak-kanak

Hotel yang berkonsepkan sebuah istana lego di mana dekorasi bilik hotel direka mengikut tema karakter lego merangkumi tema 'pirate', 'adventure', 'kingdom' dan 'ninjago'. Setiap sudut bilik dan hotel dihias dengan karakter lego yang menjanjikan kerianan untuk kanak-kanak.



3. Hidangan di restoran menepati cita rasa kanak-kanak

Setiap restoran yang ada di hotel dan ketiga-tiga taman bukan sahaja menyediakan hidangan yang menyelerakan malah menepati cita rasa kanak-kanak. Jadi, ibu bapa tidak perlu risau mengenai makanan si kecil apabila melakukan pengembaraan di Legoland Malaysia Resort.




4. Tempat bermain di mana-mana

Bermula dari lobi hotel, kanak-kanak telah dihiburkan dengan pelbagai persembahan dan juga permainan. Antaranya ialah membuat lego, bergambar dengan karakter lego, aktiviti bercerita, aktiviti mewarna, membuat belon, bermain permainan Xbox, membuat piza dan pelbagai lagi aktiviti yang pastinya menambat hati kanak-kanak. Bukan itu sahaja, keriangin ini kemudiannya disambung lagi apabila berada di ketiga-tiga taman.



5. Hospitaliti terbaik

Legoland Malaysia Resort menyediakan fasiliti yang lengkap dan sangat mesra untuk seisi keluarga. Kemudahan yang disediakan memenuhi keperluan dari anak kecil sehingga orang dewasa. Antaranya ialah bilik bayi, surau, ruang rehat, tempat makan dan pelbagai lagi. Tidak dilupakan, staf di hotel dan ketiga-tiga taman yang banyak membantu dalam merealisasikan impian seisi keluarga semasa bercuti di sini.



Semoga perkongsian kali ini dapat memberi idea buat ibu bapa dalam memilih tempat percutian bagi musim cuti yang akan datang. Namun, harus diingat bahawa pandemik Covid-19 masih belum berakhir. Dalam mencari keriangin semasa bercuti nanti, pastikan setiap keluarga mengamalkan langkah-langkah keselamatan yang telah ditetapkan bagi memastikan kesihatan setiap ahli keluarga dilindungi.